

D519

U B949 AAB  
MAHATHIR - CALON

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PEMILIHAN CALON-CALON UMNO BAGI BERTANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM INI SUDAH SELESAI.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMILIHAN CALON-CALON ITU DIBUAT PADA PERBINCANGAN BERASINGAN DENGAN KETUA-KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG DIADAKAN SELEPAS MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI DI SINI, TANPA APA-APA BANTAHAN.

BELIAU JUGA MENGESAHKAN TERDAPAT MUKA-MUKA BARU TETAPI ENGGAN MENYATAKAN PERATURAN MEREKA YANG BAKAL DITONJOLKAN.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT EKSPLO DAN KONVENSYEN PELUANG-PELUANG PERTUMBUHAN MODAL MALAYSIA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA KEMUNCULAN MEREKA ITU ADALAH HASIL PENYESUAIAN YANG DILAKUKAN OLEH PUCUK PIMPINAN PARTI.

MENGENAI LANGKAH PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENYAMANNYA BERHUBUNG ISU RITA RAKAMAN YANG DIKATAKAN MENGANDUNGI UCAPANNYA MENGENAI HASRATNYA MAHU MENGHAPUSKAN PAS SEKIRANYA PARTI SEMANGAT 46 MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKANNYA SEBAGAI +BENGGKRAP POLITIK.+ -- LAGI  
2005MST 06 10 90

U B950 AAB  
MAHATHIR - CALON 2 KUALA LUMPUR

SIKAP ORANG SEBEGITU TIMBUL APABILA SESEORANG ITU TIDAK DAPAT BERSEMBUNYI DI ARENA POLITIK, IA CUBA MENUTUP MULUT LAWANNYA DENGAN MENGHERET MEREKA KE MAHKAMAH.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DIIRINGI OLEH PENERUSI EKSEKUTIF BURSA BAHAM KUALA LUMPUR, DATUK NIK MOHAMED DIN, MELAWAT GERAI-GERAI YANG MENYERTAI PAMERAN DI EKSPLO DAN KONVENSYEN PELUANG-PELUANG PERTUMBUHAN MODAL MALAYSIA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA ITU. --  
BERNAMA